

# BICARA KOSMOLOGI DALAM KITAB BAD'U KHALQ AL-SAMAWAT OLEH AL-RANIRI<sup>1</sup>

Oleh Zakaria Mustaffa  
Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Kampus Puncak Alam.  
Zakmff04@yahoo.com

*Ulama Asia Tenggara meletakkan tahap intelektual yang ketara tinggi pengkajian dan penerokaan ilmiah semasa penyebaran Islam. Dalam memenangkan hati dan membina keyakinan insan yang baru menganut Islam bukan hanya persoalan membina kehidupan yang fitrah ditekankan, namun lebih jauh lagi mereka mencari dan mendekatkan hati yang membolehkan penerimaan Islam terikat kukuh dalam diri setiap penganut baru ini, ulama menarik perhatian terhadap rasa ingin tahu terhadap alam kosmos. Bicara yang agak berat dan filosofi ini mungkin terbeban bagi orang awam apatah lagi ditelusuri dan diselitkan nilai-nilai kesufian. Al Raniri merupakan salah seorang tokoh yang mampu berbuat demikian melalui kitab bad'u khalq al-samawat. Metodologi kajian kitab bercorak analisis kandungan dan bandingan. Akhir kajian nanti terserlah penemuan sudut pemikiran ulama berkaitan alam semesta yang turut memantapkan akidah ketuhanan sertamenjadi dasar amalan kerohanian untuk mentaqrib diri kepada Allah yg Maha Tinggi dan Bijaksana.*

*Kata kunci: Kosmologi, sains Islam, Kitab Tauhid, Aceh*

## **Pengenalan**

Islam memilih kaedah tersendiri dalam mengajak umatnya menjadi hamba Allah sebaik-baiknya di dunia dan di akhirat. Semasa berada di alam dunia mereka perlu mentaqarubkan diri pada Allah melalui proses integrasi ilmu. Tauhid kepada Allah menjadi asas untuk menjadi penuntut yang bergelar abid yang bersifat takwa kepada Allah. Sejak mula lagi ajaran Tauhid mendidik insan hidup berakhlak. Lantaran Tauhid yang dipegang kukuh, alam kosmos dan dirinya sentiasa bertawajuh setiap detik dan ketika, semasa menghadap Allah dan mengimarahkan alam ini. Muncullah dalam tamadun Islam

---

<sup>1</sup> Dibentangkan di Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu 2017 pada 10 hingga 12 Okt. 2017

ulama intelek seperti al-Raniri yang pernah menjadi ulama peneraju negara bersama pemimpin negara pada peringkat awal perkembangan Islam di Asia Tenggara ketika mana pula proses pengasingan agama dan sains rancak di dunia barat.

Firman Allah dalam Surah Ali Imran:190

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِّأُولِي الْأَلْبَابِ

(۱۹۰)

*Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal. (190)*

### **Biodata al-Raniri**

Al-Raniri terkenal sebagai pengarang, ulama, ahli sufi dan sejarawan. Sebelum berhijrah ke Aceh pada 1637 beliau merupakan warga dari Rander, Gujerat, India. Ketibaannya di Aceh, beliau mendekati istana dan diterima baik oleh pemerintah ketika itu, Sultan Iskandar Thani (1636-1641). Beliau ketika ini berhadapan dengan aliran tasawuf Wujudiyah yang dikembangkan oleh Syeikh Maldin. Sementara di India muncul Syeikh Ahmad al-Sirhind yang turut menolak Wahdatul Wujud. Faham ini sudah berkembang di Aceh sejak Sultan Mukammil. Dengan bantuan al-Raniri faham wujudiyah ini berjaya dihapuskan. Namun selepas kematian Sultan Iskandar Thani dan pemerintahan diganti oleh Ratu Tajul Alam Safiatuddin (1641-1675), fahaman Wujudiyah kembali mendapat tempat di bawah pimpinan Saifurrijal yang membawa kepada al-Raniri terpaksa berangkat pulang ke India pada 1644 dan meninggal pada 22 Zulhijjah 1068/ 21 September 1658.

### **Kitab karangan al-Raniri**

Antara kitab karangan al-Raniri

1. Al Sirat al-Mustaqim

2. Durrat al Faraid bi Sharh al-'Aqaid
3. Hidayat al-Habib fi al-Taghrib wa al-Tarhib
4. Bustan al-Salatin fi zikr al-Awwalin wa al-Akhirin
5. Nubzatu fi al-Dakwa al-zhil wa sahibih
6. Lataif al-Asrar
7. Asrar al-Insan fi Makrifat al-Ruh wa al-Rahman
8. Tibyan fi Makrifat al-Adyan
9. Akhbar al-Akhirat fi Ahwal al-Qjamat
10. Hill al-Zill
11. Ma'a al-Hayat li Ahli al-Mamat
12. Jawahir al-Ulum fi Kasyf al-Maklum
13. 'Ain al-Alam qabla an Yukhlaq
14. Syifa' al-Qulub
15. Hujjatul al-Siddiq li daf'I al-Zindiq
16. Al-Fath al-Mubin li al-Mulhidin
17. Al-Lam'a fi Takfir Man Qala bi Khalq al-Quran
18. Sawarim al-Siddiq li Qat'I al-Zindiq
19. Rahiq al-Muhamadiyah fi Tariq al-Sufiyyah
20. Bad'u Khalq al-Samawat al-Ard
21. Kaifiyat al-Solat
22. Hidayat al-Iman bi Fadhl al-Manan
23. 'Alaqa Allah bi al-'Alam
24. Aqaid al-Sufiyyah al-Muwahhidin
25. Al-Fath al-Wadud fi Bayan Wahdat al-Wujud
26. 'Ain al-Jawad fi Bayan Wahdat al-Wujud
27. Awdah al-Sabil wa al-Dalil laisa li Abath al-Mulhidin Ta'wil

28. Awdah al-Sabil laisa li Kalam al-Mulhidin Ta'wil
29. Shazaz al-Mazid
30. Terjemahan empat lembar kitab Hasyiat Tuhfat al-Mursalat oleh Muhammad ibn Fadhlullah al-Burhanfuri
31. Umdat al-I'tiqad

### **Kitab Bad'u Khalq al-Samawat wa al-Ard**

Kitab ini dikarang oleh Syeikh Nuruddin al-Raniri pada hari Ahad, 6 Muharram 1047H (3) Mei 1637M. Selesai disalin pada waktu Dhuha hari Rabu di negeri Sinamang. Manuskrip asal di Perpustakaan Negara Malaysia direkodkan sebagai MSS2977. Dakwat asal berwarna hitam dan ada rubrikasi pada perkataan Bahasa Melayu tertentu dan ayat Bahasa Arab, Hadith dan Firman Allah. Tulisan kemas tapi tidak konsisten. Tiada kulit atau muka hadapan kitab. Namun rujukan utama penulis dari kitab cetakan Khazanah Fataniyah bernombor 81 bertarikh 1425H/2004M. Dalam kitab ini dibincangkan tujuh petala langit dan tujuh petala bumi, penciptaan Nur Muhammad, malaikat, jin, syurga, neraka, matahari, bulan, bintang, bilangan laut, iklim dan lain-lain. Terdapat 48 halaman dan setiap halaman ada 36 baris. Jadi halaman yang menjadi sandaran kajian ini dari kitab cetakan. Ditepi kitab dicetak kitab Hidayatul Mukhtar yang ditulis oleh Tuan Haji Hasan bin Tuan Ishak Fatani pada waktu Duha, enam likur Muharram hari Jumaat 1249H.

### **Aspek kosmologi dalam kitab Bad'u**

#### **Saiz fizikal matahari**

Fasal pada menyatakan matahari, bulan dan bintang (kata) Wahab bin Munabbih bahawasanya dijadikan Allah S.W.T. matahari itu daripada cahaya arash yakni suatu suku daripada 70 ribu suku daripada cahaya arash (dan) pada suatu riwayat matahari itu daripada jenis maknikam dan bulan daripada cahaya arasy. (Kata Ibn Abbas RA) bahawasanya matahari besarnya 360 farasikh dan bulan itu besarnya 4 farasikh (dan) pada suatu riwayat bahawasanya adalah besar matahari itu seperti dunia ini dan bulan demikian jua, jikalau tiada besar demikian itu nescaya tiadalah kelihatan di dalam segala

tempat ini (kata) ahli al-mufassirin bahawasanya matahari itu pada langit yang keempat dan bulan itu daripada langit yang pertama dan adalah muka keduanya itu keatas dan belakangnya kepada dunia ini dan besar matahari itu tiga ratus gian (bahagian) dunia ini dan bulan seperti dua puluh gian dunia ini (dan) pada suatu riwayat bahawasanya (hal. 24/36) matahari itu di atas suatu pedati. Dan bagi pedati 360 tali anak dan pada satu tali anak itu me(ng)hela akan dia 360 daripada malaikat dan adalah didalam langit pada pihak Maghrib 180 mataair mendidih seperti mendidih air didalam periuk dan pada pihak Masyrik demikian juganya. (Dan) pada suatu riwayat bahawasanya matahari dan bulan itu adalah keduanya didalam putaran yang tiada berhenti, apabila sangat lekasnya maka karamlah keduanya didalam mata air lumpur itu, maka jadilah gerhana keduanya. Kata ahli al-mufassirin firman Allah Ta'ala al-Saffat: 5

رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا وَرَبُّ الْمَشْرِقِ (٥)

Ertinya tujuh petala langit dan bumi dan barang antara keduanya dan Tuhan mashriq iaitu dijadikan Allah Ta'ala bagi matahari itu 360 tingkat pada pihak mashriq dan 360 tangga pada pihak maghrib, sekira-kira banyak bilangan hari pada setahun. Maka terbitlah matahari itu pada tiap-tiap hari pada suatu tangga. Maka tiada kembali matahari itu kepada tangga tempat terbit itu melainkan datang pada tahun yang lain, iaitulah segala mashriq dan maghrib seperti yang tersebut didalam ayat ini. (Kata) Setengah ulama yang arif billah. Adapun sebab matahari itu sentiasalah bulat tiada berlebih luar kurang kerana ia sentiasalah sujud di bawah arash Allah Ta'ala pada tiap-tiap malam, maka jadilah ia sentiasalah ia bulat yang sempurna kerana (?) yang demikian itu. Adapun bulan itu maka sebab ia berlebih dan (ber)kurang tiada diberi oleh Allah S.W.T sujud baginya melainkan pada malam ke empat belas hari jua daripada sebulan itu sehari bulan, maka bertambah-tambahlah cahaya pada tiap-tiap malam kerana kesukaan bahawa dianugerahi Allah akan dia sujud kepada malam empat belas itu. Kemudian daripada itu kuranglah ia kerana dukacitanya kepada kesudahan bulan. (Kata) Kaab al-Akhbar bahawasanya kepada hari kiamat dibawa oleh malaikat akan matahari dan bulan. Maka

dibuangkan keduanya kedalam neraka dengan izin Allah S.W.T. (Kata) Ibn Abbas RA firman Allah dalam Surah al-Takwir:1

إِذَا الشَّمْسُ كُوِّرَتْ (١)

Ertinya tatkala dihilangkan cahaya keduanya pada hari kiamat, maka dimasukkan kedalam laut, maka dititahkan Allah S.W.T. pada malaikat yang bernama (?). Maka dibuangkan keduanya maka jadilah api. (Syahadan) bahwasanya adalah segala bintang dijadikan Allah Taala pada hari Ahad iaitu daripada jenis maknikam yang tergantung daripada langit seperti qandil (lampu) dan adalah besarnya seperti bukit yang maha besar di dalam dunia seperti firmannya yang tersebut didalam al-Quran ? ertinya ya Tuhan yang menjadikan bagi kami segala bintang supaya beroleh segala petunjuk bagi kami dengan dia pada ? laut dan darat (dan) adapun sekalian bintang terbahagi atas tiga bahagi. Suatu bahagi tetap pada kediamannya, tiada berkisar yakni keluar masuk. Kedua bahagi daripadanya keluar masuk. Ketiga bahagi daripada bintang itu berkisar dengan ( ) la *safarah*. FirmanNya di dalam al-Quran Surah al-An'am:97

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ النُّجُومَ لِتَهْتَدُوا بِهَا فِي ظُلُمَاتِ اللَّيْلِ وَالْبَحْرِ قَدْ فَصَّلْنَا الْآيَاتِ

لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ (٩٧)

Ertinya Allah S.W.T. jua yang menjadikan malam dan siang dan matahari dan bulan, tiap-tiap sekeliannya pada cekerawala dan berkisar.

## 7 Bintang (planet)

Maka tujuh bintang daripada tiga bahagi itu itulah bintang yang terbahagi yang besar dan mulia (yang pertamanya) itu bintang Qamar ertinya bulan yang tempat kediamannya pada langit yang pertama (dan) yang keduanya bintang Utarid, tempat kediamannya pada langit yang kedua (dan) yang ketiganya bintang Zuhrah tempat kediamannya pada langit yang ketiganya (dan) yang keempatnya bintang Shams ertinya Matahari, tempat kediamannya pada langit yang keempat (dan) yang

kelimanya bintang Mushtari, tempat kediamannya pada langit yang kelima (dan) yang keenamnya bintang Marikh, tempat kediamannya pada langit yang keenam (dan) yang ketujuhnya bintang Zuhul, tempat kediamannya pada langit yang ke tujuh. Maka tujuh bintang yang tersebut (hal. 25/36) itu ditetapkan Allah Subhanahu wa Ta'ala pada tiap-tiap langit. Maka adalah tiap-tiap suatu bintang itu ditentukan Allah Ta'ala ia memerintahkan pada alam dunia ini seribu tahun lamanya. Maka ia bergantilah demikianlah tujuh bintang itu berganti-ganti pekerjaannya dan adalah perjalanan tujuh bintang berlain-lainan.

### **Tempoh edaran planet**

(Adapun) hikmat Allah Subhanahu wa Ta'ala menjadikan tujuh bintang ini dianugerahinya akan dia kerjanya pada tiap-tiap langit itu supaya ia memerintahkan dunia ini. Maka pertama daripada bintang tujuh ini Qamar ertinya bulan tempat kediamannya, keluarinya pada langit yang pertama. Maka dia diam pada tiap-tiap buruj tengah tiga hari. Maka dilaluinya segala langit itu didalam sebulan jua. (Kedua) bintang Utarid tempat keluarinya dan kediamannya pada langit yang kedua. Maka dia diam pada tiap-tiap buruj itu lima belas hari, maka dilaluinya segala langit itu didalam enam bulan. (Ketiga) bintang Zuhrah, tempat kediamannya dan keluar pada langit yang ketiga. Maka dia diam pada tiap-tiap buruj itu dua puluh lima hari. Maka dilaluinya segala langit itu didalam sepuluh bulan jua. (Keempat) bintang Shams, tempat kediamannya dan keluarinya pada langit yang keempat. Maka dia diam pada tiap-tiap buruj itu sebulan, maka dilaluinya segala langit itu didalam setahun jua. (Kelima) bintang Marikh, tempat kediamannya dan keluarinya pada langit yang kelima, maka ia diam pada tiap-tiap buruj itu lima puluh hari. Maka dilaluinya segala langit itu delapan belas tahun jua. (Keenam) bintang Mushtari, tempat kediamannya dan keluarinya pada langit yang keenam, maka ia diam pada tiap-tiap buruj itu 23 bulan. Maka dilalui segala langit itu didalam tiga belas tahun jua. (Ketujuh) bintang Zuhul, tempat kediamannya dan keluarinya pada langit yang ketujuh, maka ia diam pada tiap-tiap buruj itu tengah tiga tahun. Maka dilaluinya segala langit itu didalam tiga puluh tahun jua.

## Bintang 12

(Adapun) segala bintang Shirin ertinya bintang tetap iaitu dua belas bintang bernama buruj (Pertama) dan Hamal (dan) Nur (dan) Jauza (dan) Sartan (dan) Asad (dan) Sunbulah. Inilah buruj yang enam pada tiap-tiap pihak utara. (dan) Mizan (dan) Aqrab (dan) Qaws (dan) Jadi (dan) Dalw (dan) Hut. Dan inilah buruj yang pada pihak selatan.

## 28 Bintang di dalam Buruj

Maka dua belas buruj ini dikandungnya dua puluh delapan bintang yang bernama Manazil, ertinya segala tempat perhentian bulan iaitu pertama sartain dan latin dan Thuraya dan Dabaran dan Hatfah dan Zira' dan Nathrah dan dan Talubah dan Jihah dan Zabur dan Sarfah dan Auda dan Shimal dan Aqar dan Raban dan Akyal dan Qalb dan Sauda dan Jiha dan Far'u al-Muqaddas dan Far'u al-Muakhar dan Batn al-Hawt. (dan) Adapun Matahari dan Bulan dan segala bintang bertubuh jua tiada bernyawa. (Bermula) segala langit yang delapan itu suatu daripadanya Kursi bernama Falak al-Thawabit, perantaraan sekalian itu daripada Maghrib ke Mashriq dan langit yang kesembilan Falak al-Atlimus dan Falak al-A'zam iaitu 'aras tiada padanya perkataannya daripada Mashriq dan Maghrib dan segala bintang yang lain itu pada kursi jua. (Shahadan) adalah terlebih segala langit itu beberapa warnanya, daripada sangat jernihnya kerana itu lah kelihatan segala ayat pada langit yang pertama itu. (dan) adalah cahaya bulan daripada cahaya matahari jua sebab itulah maka ia berlebih kurang cahayanya itu. (Dan) adapun segala langit dan segala bumi dan segala barang yang didalamnya, keduanya seperti biji sawi jua besarnya pada bintang bandingan. (dan) Kursi itu pada bandingan dengan arash seperti biji sawi jua. Maka adalah kejadian sekalian itu seperti u(m)pama buah yang bantar. Maka adalah segala pihak bantar itu diatas jua dan diatas cekerawala itu yaitulah ala iliyin dan diatasnya itu arash al-Rahman dan di bawahnya itu langit yang pertama hingga lalu kepada langit dunia ini iaitulah meluput bumi ini tiada berhubung dengan sesuatu. Maka terhantar segala cekerawala itu diatas hawa dengan izin Allah Taala. Maka cekerawala sekalian langit itu terkitar getaran seperti getaran (hal.26/36).

## Tahi bintang

(Fasal) pada menyatakan peri kejadian suhu dan tahi bintang iaitulah dilo(n)tar segala malaikat seperti Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala yang tersebut didalam al-Quran dalam Surah al-Saffat 5-10

رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا وَرَبُّ الْمَشْرِقِ (٥) إِنَّا زَيْنًا أَلَسَّمَاءَ الدُّنْيَا بَرِيَّةٌ  
 الْكَوَكِبِ (٦) وَحِفْظًا مِّنْ كُلِّ شَيْطَانٍ مَّارِدٍ (٧) لَا يَسْمَعُونَ إِلَى الْمَلَأِ الْأَعْلَى  
 وَيُقَذَّفُونَ مِنْ كُلِّ جَانِبٍ (٨) دُحُورًا وَلَهُمْ عَذَابٌ وَاصِبٌ (٩) إِلَّا مَنْ خَطِفَ الْخَطْفَةَ  
 فَاتَّبَعَهُ شَهَابٌ ثَاقِبٌ (١٠)

Ertinya bahawasanya kami hiasi langit dunia yang pertama itu dengan perhiasan sekalian bintang dan kami peliharakan daripada tiap-tiap segala syaitan yang tiada menurut niat kami yang ia naik kepada langit, hal keadaannya ia mendengar segala perkataan segala malaikat tetapi tiada kuasa mereka itu mendengar kata-kata segala malaikat melainkan dicuri mereka itu sepatah kata daripada perkataan segala malaikat dengan keluarnya daripada tiap-tiap pihak langit akan kuburnya daripada mereka itu daripada mereka itu. Dan adalah bagi mereka itu siksa yang sentiasalah iaitu terpancar-pancar daripada cahaya bintang yang sangat cemerlang, dilo(n)tar akan dia oleh segala malaikat akan segala syaitan itu. Maka adalah cahaya bintang itu memanah mereka itu atau tuannya itu dibinasakan akan anggota mereka itu. (hal.27/11)

## Awan

(Fasal) pada menyatakan peri kejadian awan. Adapun awan itu bertubuh yang latif dan tempat kediamannya itu di udara seperti kata Ibn Abbas RA bahawasanya adalah awan itu bertubuh yang latif yang terhantar ia di udara dan diberinya segala tenteranya Mikail dan apabila disuruhkan awan itu hampir pada bumi maka jadi kelamalah awam itu. Apabila disuruhkan awan itu tingginya ke udara, maka jadi jernihnya ia. Maka apabila dikehendaki akan hujan pada suatu pihak bumi, maka dititahkan

oleh Allah Subhanahu wa Taala akan segala malaikat yang mengawal akan awam itu menghampirkan akan dia kepada pihak bumi itu, maka jadi hujanlah ia kepada pihak bumi itu dan awan itu u(m)pama (دسركى) (h)ujan jikalau tiada awan itu sangat hampir kepada pihak bumi, nescaya tiadalah sampai hujan kepada pihak bumi itu seperti yang tersebut didalam perkatanya arash itu adanya. (hal.27/19)

## Cuaca sejuk

(Fasal) pada menyatakan peri kejadian sejuk dan air beku dan air daripada embun. Adapun sekalian perkara itu dijadikan Subhanahu wa Taala suatu berkat daripada sejuk dan air beku itu tiada mengetahui besarnya itu. Hanya Allah Subhanahu wa Taala jua. (Dan) adalah yang mengawali itu seorang malaikat, apabila dikehendaki Allah Taala menurunkan sejuk dan air beku itu kepada pihak bumi, maka dititahkan Allah Subnahu wa Taala akan malaikat itu menurunkan akan dia. Maka jadilah embun dan hujan batu di sana dengan izin Allah Taala. (Dan) tiada turun satu titik daripada hujan itu melainkan dengan sukatannya dan timbangannya seperti firmanNya yang tersebut didalam al-Quran: al-Nur:43

وَيُنزَلُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ جِبَالٍ فِيهَا مِنْ بَرَدٍ

Ertinya diturun akan Allah Subhanahu wa Taala daripada bukit yang dilangit itu sejuk (hal. 27/27)

## Kilat dan Halilintar

(Fasal) pada menyatakan peri kejadian kilat dan halilintar dan guruh. Kata Ibn Abbas RA bahawasanya sekali peristiwa ia datang sembah seorang laki-laki kepada Rasulullah s.a.w. demikian katanya: Ya Rasulullah ceritera akan hamba kejadian kilat dan halilintar dan guruh. Maka sabdanya iaitu suatu malaikat yang mengawali awan ada pada tangannya beberapa cemeti daripada api. Maka dipalunya akan awan itu dengan cemeti (berbunyiilah) itulah guruh serta kilat. (Maka) sembahnya, Ya Rasulullah suara api (apa) yang berbunyi itu. Maka sabdanya: iaitu sora (suara) tasbih seorang malaikat yang bernama Malik al-Ra'd, ialah yang memalu. Kata Saidina Ali Karramahu Allah wajhah bahawasanya kilat itu palu malaikat akan awan dengan beberapa cemeti daripada besi dan guruh itu sora daripada

tasbih malaikat al-ra'd ketakala menghalau akan awan itu seperti orang menghalau akan unta serta ia mengucapkan tasbih ia apabila bersalahan awan itu dengan dia. Maka lalu bertimpalah (bertempiklah) ia dengan sora yang amat keras. Maka apabila sangatlah gusar malaikat itu akan dia, maka lalu dihamburlah daripadanya api, maka jadilah kilat dan halilintar.

## Bintang Murj

(Fasal) pada menyatakan kejadian bintang Murj yang kelihatan pada udara itu seperti sabda Nabi s.a.w. لا تقول قوس فرج فان فرج اسم الشيطان ولكن قولوا قوس الله ertinya jangan kamu kata akan bintang raja itu busar farj. Maka bahawasanya farj itu nama syaitan, tetapi katakan olehmu busaran Allah (shahadan) bahawasanya yang pertama kelihatan pada masa taufan dan hujan pada masa taufan nabi Allah Nuh AS iaitu bintang raja. Maka adalah bintang raja itu alamat taufan dan hujan. (Dan) pada riwayat iaitu alamat tanda murah segala makanan dan tanda menghilangkan segala percintaan ketakala nyata ia pada masa taufan itu jadi sentosa ia menilik bahtera itu. (Dan) adalah antara bumi dan langit yang pertama itu 500 tahun perjalanan ja. Antara satu lapis kepada satu lapis itu demikianlah jua hingga ke tujuh lapis. (hal.11/28)

## Tujuh lapisan Langit

(Fasal) pada menyatakan peri kejadian tujuh petala langit dan bumi. (Dan) adapun bumi itu dijadikan Allah Subhanahu wa Ta'ala daripada buih seperti firmanNya yang tersebut di dalam al-Quran

al-Talaq:12

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ وَمِنَ الْأَرْضِ مِثْلَهُنَّ يَتَنَزَّلُ الْأَمْرُ بَيْنَهُنَّ لِتَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَأَنَّ اللَّهَ قَدْ أَحَاطَ بِكُلِّ شَيْءٍ عِلْمًا (١٢)

Ertinya Allah Taala jua yang menjadikan tujuh petala langit dan tujuh petala bumi pun demikianlah jua seperti itu juga. (Kata Ibn Abbas) RA adalah tempat bumi itu sekalianya itu air. Maka berhimpunlah buih air itu pada tempat kaabah Allah Taala. Maka jadilah buih itu satu faras yang hijau dan adalah

yang demikian itu jadi pada hari Ahad. Maka dihamparkan bumi di bawah faras buih itu seperti firmanNya yang tersebut didalam al-Quran Fussilat: 9

فُلْ أَنْتُمْ لَتَكْفُرُونَ بِالَّذِي خَلَقَ الْأَرْضَ فِي يَوْمَيْنِ وَتَجْعَلُونَ لَهُ أَنْدَادًا ذَلِكَ رَبُّ  
الْعَالَمِينَ (٩)

Ertinya katakana olehmu ya Muhammad akan mereka itu, bahawasanya kami jadi akan bumi ini didalam dua hari iaitu pada hari Ahad dan kesudahannya pada hari Isni(n).(dan) lagi firmanNya Fussilat:9-10

وَتَجْعَلُونَ لَهُ أَنْدَادًا ذَلِكَ رَبُّ الْعَالَمِينَ (٩) وَجَعَلَ فِيهَا رِوَاسِيَ مِنْ فَوْقِهَا وَبَرَكَ  
فِيهَا وَقَدَّرَ فِيهَا أَقْوَاتَهَا فِي أَرْبَعَةِ أَيَّامٍ سِوَاءً لِلسَّالِبِينَ (١٠)

Ertinya jangannya kamu sekutukan akan dia ialah Tuhan seru sekalian alam dan dijadikan diatas bumi itu beberapa daripada segala bukit yang menetapkan dia dan dianugerahinya.

Didalam bumi dijadikan beberapa daripada segala laut dan beberapa daripada segala sungai dan beberapa daripada segala pohon dan beberapa daripada buah-buahan. (dan) lagi firmanNya dalam Fussilat:10(١٠) وَقَدَّرَ فِيهَا أَقْوَاتَهَا فِي أَرْبَعَةِ أَيَّامٍ سِوَاءً لِلسَّالِبِينَ

Ertinya ditetapkan Allah Subhanahu wa Taala serta dibahagikan akan dia pada bumi ini segala rezeki hambanya daripada segala manusia dan segala binatang didalam empat hari jua, iaitu dijadikan segala rezeki itu pada hari selasa dan pada hari arba' (Rabu) tiada dan tiada kurang daripada yang demikian. (dan pada suatu) riwayat Hadith bahawasanya kejadian bumi itu seperti sembah Abdullah bin Abdul Salam kepada Nabi s.a.w. demikian katanya: Ya Rasulullah ceriterakan hamba daripada apa dijadikan Allah S.W.T. daripada bumi ini. Maka sabda Nabi s.a.w. iaitu daripada buih laut. Maka s sembahnya: Sebenar (benar) kata tuan hamba itu. Ya Rasulullah s.a.w. ceritera pula daripada apa kejadian buih itu. Maka sabdanya: iaitu daripada ombak. Maka sembahnya: Benar kata tuan hamba itu Ya! Rasulullah

s.a.w. (dan) daripada apa kejadian ombak. Maka sabdanya iaitu daripada laut. Maka sembahnya: Benar kata tuan hamba itu Ya Rasulullah. (dan) bumi ini apa yang menetapkan dia. Maka sabdanya iaitu daripada bukit Qaf. Maka sembahnya: Benar kata tuan hamba itu Ya Rasulullah. (dan) bukit Qaf itu daripada apa kjadiannya. Maka sabdanya iaitu daripada Zamrud yang hijau. Maka sembahnya: Benar kata tuan hamba itu Ya Rasulullah. (dan) beberapa tahun perjalanan, tingginya. Maka sabdanya iaitu lima ratus tahun perjalanannya. Maka sembahnya: Benar kata tuan hamba itu Ya Rasulullah. (dan) beberapa (hal.24/36) tahun perjalanan kelilingnya itu. Maka sabdanya: sekira-kira dua ribu tahun perjalanan. Maka sembahnya: Benar kata tuan hamba itu Rasulullah. (dan) adalah dibelakang bukit Qaf itu suatu. Maka sabdanya: Adalah dibelakang Bukit Qaf itu tujuh puluh bumi daripada Kasturi. Maka sembahnya: Benar kata tuan hamba itu Ya Rasulullah. (dan) apa ada lagi dibelakang bumi Kasturi itu. Maka sabdanya: Tujuh puluh bumi daripada Kapur. Maka sembahnya: Benar kata tuan hamba itu Ya Rasulullah. (dan) apa pula dibelakang bumi Kafur itu. Maka sabdanya : Tujuh puluh bumi daripada Ambar. Maka sembahnya: Benar kata tuan hamba itu Ya Rasulullah. (dan) apa pula dibelakang bumi Ambar. Maka sabdanya: Tujuh puluh bumi daripada emas. Maka sembahnya: Benar kata tuan hamba itu Ya Rasulullah. (dan) apa pula dibelakang bumi emas itu. Maka sabdanya: Tujuh puluh bumi daripada perak. Maka sabdanya: Tujuh puluh bumi daripada besi. Maka sembahnya: Benar kata tuan hamba itu Ya Rasulullah. (dan) adalah dibelakang segala bumi suatu. Maka sabdanya adalah dibelakang segala bumi itu tujuh puluh ribu alam. Maka tiap-tiap sekelian alam itu berisi dengan malaikat tiada siapa-siapa mengetahui banyaknya. Hanya ia jua yang mengetahuinya dan tiada diketahui mereka itu kejadian daripada anak Adam dan kejadian iblis dan adalah sekelian mereka itu mengucap tasbih tujuh puluh patah kalimahanya itu iaitu **لااله الاالله محمد رسول الله** Maka sembahnya: Benar kata tuan hamba itu Ya Rasulullah. (dan) apa pula dibelakang segala alam itu. Maka sabdanya: mengelilingi sekelian alam itu ular (maka berdatang sembah) ia: Ya Rasulullah, ceritera pula kepada hamba pada segala yang diam daripada bumi itu. Maka sabdanya Nabi s.a.w. adapun yang ada daripada bumi yang ke tujuh lapis itu beberapa daripada malaikat (dan) yang ada pada bumi yang keempat lapis itu beberapa daripada segala ular. (dan) yang ada daripada bumi yang ketiga lapis itu

iaitu daripada beberapa kala (dan) yang ada daripada bumi yang kedua lapis itu beberapa daripada segala jin (dan) yang ada daripada bumi yang pertama itu beberapa daripada segala manusia. Maka sembahnya: Benar kata tuan hamba itu Ya Rasulullah. (dan) sekelian bumi itu diatas apa ia. Maka sabdanya: iaitu di atas lembu. Maka sembahnya betapa sifat lembu itu. Maka sabdanya: iaitu empat kepalanya. Dan antara tiap-tiap sesuatu daripada dua kepalanya itu kira-kira seratus tahun perjalanan. Maka sembahnya: Benar kata tuan hamba itu Ya Rasulullah. (dan) lembu itu di atas apa ia. Maka sabdanya: Di atas batu yang terhantar. Maka sembahnya: Benar kata tuan hamba itu Ya Rasulullah. (dan) batu itu di atas apa ia. Maka sabdanya: Di atas belakang ikan. Maka sembahnya: Benar kata tuan hamba itu Ya Rasulullah. (maka) ikan itu di atas apa ia. Maka sabdanya: iaitu diatas laut dan adalah laut itu kira-kiranya seribu tahun perjalanan. Maka sembahnya: Benar kata tuan hamba itu Ya Rasulullah. (dan) air laut itu di atas apa? Maka sabdanya iaitu diatas angin. Maka sembahnya: Benar kata tuan hamba itu Ya Rasulullah. (kemudian) maka angina itu di atas apa ia. Maka sabdanya: Di atas *zulmat*. Maka sembahnya: Benar kata tuan hamba itu Ya Rasulullah. Maka *zulmat* itu di atas apa ia? Maka sabdanya: iaitu di atas neraka jahanam. Maka sembahnya: Benar kata tuan hamba itu Ya Rasulullah. (dan) neraka jahanam itu di atas apa ia? Maka sabdanya diatas thawri. Maka sembahnya: Benar kata tuan hamba itu Ya Rasulullah. Dan adakah di bawah Thawri itu suatu Ya Rasulullah. Maka sabdanya Nabi s.a.w.: Tiada kamu ini tersalah ia, tiada siapa-siapa yang mengetahui di bawah Thawri itu melainkan ia jua. Dan ada pun erti *Thawri* itu iaitu tanah yang basah belum lagi jadi lumpur ia AH (kata) Ka'ab al-Akhbar telah berhimpunlah segala *Hawariyun* iaitu sahabat Nabi Isa AS serta berdatang sembah mereka itu: Ya Nabi Allah, tuan hamba ceriterakan kami daripada kejadian bumi dan barang yang di dalamnya. Maka sabda Nabi Allah Isa: Bahawasanya selapis bumi yang pertama itu ikan dan diatasnya serta alam. Maka daripadanya empat ratus alam yang mendiam daripada darat dan enam ratus (hal.29/36) aalim (kata jamak daripada alam) yang mendiam daripada laut. (kata Ibn Abbas RA) bahawasanya adalah di bawah daripada bumi pertama itu angin yang bernama *'aqim* dan adalah baginya tujuh puluh ribu tali. Maka adalah pada tiap-tiap suatu tali tujuh puluh ribu malaikat. Dan daripada angin itulah yang dibinasakan Allah S.W.T. daripada negeri kaum adat yang mengeluarkan angin

itu daripada bumi seperti lubang cincin jua besarnya. Maka terbanglah segala bukit dan segala kotanya dan segala negerinya dengan angin itu ketakala dikehendaknya oleh Allah Ta'ala akan membinasakan segala kaum itu seperti firmanNya yang tersebut didalam al-Quran Surah Taha:105

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْجِبَالِ فَقُلْ يَنْسِفُهَا رَبِّي نَسْفًا (١٠٥)

Ertinya ditanyakan akan dikau ya Muhammad daripada binasanya segala bukit. Maka kata olehmu ya Muhammad, dijabatkan Tuhanku daripada tempatnya dan dijadikan akan dia (h)abu.

Dan adalah yang duduk di bawah bumi suatu kaum bernama برسم dan adalah mereka itu taklif dan diperolih mereka itu pahala dan dosanya. (dan ) ada pun bumi kedua lapis itu bernama *jaldah* dan adalah pada bumi itu beberapa daripada bagai azab Allah S.W.T. bagi segala isi neraka. Dan yang adalah kediaman daripada itu suatu kaum bernama *tamas* dan adalah makanan mereka itu datang sama sendirinya dan pada suatu riwayat yang ada kediaman daripada itu jin (dan) adapun daripada bumi yang ketiga lapis bernama 'Urfah dan yang ada kediaman daripada bumi itu beberapa kala yang hitam, besarnya seperti baghal dan adalah ekornya seperti ekor kambing dan pada tiap-tiap sikunya itu tiga ratus enam puluh bulu dan pada tiap-tiap bulunya itu tiga ratus enam puluh setengah (sengat) yang amat banyak binasa (bisa) dan jikalau disengatkan dengan sesuatu daripada bumi ini, nescaya habislah mati. Dan adalah pada bumi itu satu kaum bernama Isa dan akan makanan mereka itu tanah dan minuman mereka itu embun dan adapun segala kala yang hitam itu pada hari kiamat, maka dititahkan Allah S.W.T. bagi ملك *Zabaniyah* mengeluarkan sekeliannya kepada Neraka supaya disengatkan oleh mereka itu aka isi neraka. (dan ) ada pun daripada bumi yang keempat lapis itu bernama Jarian dan pada suatu riwayat bernama Jurfaqar. Dan adalah di dalamnya tempat kediaman daripada beberpa ular dan kala yang amat besar seperti bukit dan lagi amat bisa. Dan adalah tiap-tiap seekor ular itu seribu kakinya dan tiap-tiap suatu kakinya itu besarnya seperti pohon khurma yang panjang. Dan tiap-tiap suatu kaki itu beberapa bisa yang hitam. Maka apabila datang hari kiamat, maka dititahkan Allah S.W.T. bagi ملك *Zabaniyah* mengeluarkan sekeliannya kepada neraka balas bagi hambanya yang 'asi. Dan adalah pada bumi itu satu kaum yang bernama *Jalham* dan tiada bagi

mereka itu mata dan kaki dan ada bagi mereka itu sayap dan tiada bagi mereka itu mati hingga sampai kepada Tu(h)anya....

## Tujuh lapisan bumi

(Fasal) pada menyatakan peri kejadian yang menanggungkan tujuh petala bumi. Adapun yang menanggung tujuh petala langit dan tujuh petala bumi itu seekor lembu yang diturunkan Allah S.W.T. didalam Syurga Jannatu al-Firdaus.(hal.36/25)

## Gempa bumi

(Fasal) pada menyatakan peri kejadian gempa bumi. Kata Ka'ab al-Akhbar: Tiada sekali-kali bumi itu bergempa melainkan ada salah satu daripadanya dengan tiga sebab. Sebab yang pertama ada kalanya dengan tilik Allah S.W.T. akan bumi itu maka jadilah gempa ia sebab sangat takut kepadaNya. (dan) Keduanya, ada kalanya sebab ada orang yang kediaman daripada bumi itu berbuat derhaka, maka jadilah gempa ia sebab dimurkai Allah S.W.T. baginya. (dan) Ketiga ada kalanya ikan Nun yang menanggung bumi itu ia bergerak, maka jadi gempalah bumi itu dengan geraknya. (hal.37/4)

## Laut

(Fasal) pada menyatakan peri bilangan segala laut dan sungai. Adapun laut yang besar itu tujuh jua seperti firman Allah Ta'ala yang tersebut didalam al-Quran Surah Luqman:27

وَالْبَحْرُ يَمُدُّهُ مِنْ بَعْدِهِ سَبْعَةُ أَبْحُرٍ مَّا نَفَدَتْ كَلِمَاتُ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ (٢٧)

ertinya laut itu dilanjutkan Allah Ta'ala dengan tujuh laut (hal.38/24)

(Fasal) pada menyatakan peri bilangan segala alam. Kata Duhak, bahawasanya ala mini enam lapis tiga ratus enam puluh alam dan adalah sekalian orang itu bertelanjang, tiada berkain dan tiada berkaus dan tiada kenal mereka itu yang menjadi akan dia. (dan) alam yang enam puluh ribu itu adalah sekeliannya berkain dan berkaus dan dikenal mereka itu akan yang menjadi akan dia. (Kata) Umar bin Mas'ud bahasanya adalah Allah S.W.T. menjadikan alam itu seribu enam ratus daripadanya di dalam

laut dan empat ratus daripadanya di darat. (Kata) Muqatil bahawasanya alam itu delapan puluh ribu, empat puluh ribu daripadanya didalam laut dan empat puluh ribu daripadanya di darat. (Kata) Wahab bin Munabbih bahawasanya alam itu delapan ribu, maka dunia kediaman manusia itu dinding segala tempat yang khali u(m)pama sebuah ma(h)ligai ditengah padang jua. (kata) Ka'ab al-Akhbar bahawasanya tiada mengetahui akan bilangan segala alam itu hanya Allah S.W.T.... (hal.39/4)

(Fasal) pada menyatakan peri kejadian iklim dan segala yang mendiam dia. Ada pun iklim tujuh iaitu dengan di (?) tujuh bahagi. Maka dinamai tiap-tiap bahagi itu suatu iklim lagi akan disebutkan faqir nama segala raja-raja yang menyimpan dia. (kata) Qatadah ia mendengar daripada Abi Khalid katanya: Dunia ini empat belas ribu farsakh. Maka enam ribu farsakh daripadanya benua Habshah (dan) tiga ribu farsakh daripadanya benua Rome (dan) tiga ribu farsakh daripadanya benua Parsi (dan) seribu farsakh daripadanya benua Irak (dan) seribu farsakh daripadanya benua Turki dan Jibuti. (Bermula) tiap-tiap satu farsakh itu tiga mail itu tiga mail Hashimi dan tiap-tiap suatu mail itu empat ribu langkah dan tiap-tiap suatu langkah itu tiga tapak kaki. Maka jika dikira-kirakan dengan hasta maka suatu mail itu hasta dan tiap-tiap suatu hasta itu dua tapak dan pada suatu tapak itu lima belas jari, demikianlah dikira-kiranya. (hal.40/22)

### **Penjelasan al-Quran berkaitan aspek kosmologi**

- a) Alam semesta daripada jisim yang satu

Al-Anbiya':30 **أَوَلَمْ يَرَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ كَانَتَا رَتْقًا فَفَتَقْنَاهُمَا  
وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ (٣٠)**

*Dan tidakkah orang-orang kafir itu memikirkan dan mempercayai bahawa sesungguhnya langit dan bumi itu pada asal mulanya bercantum (sebagai benda yang satu), lalu Kami pisahkan antara keduanya? Dan Kami jadikan dari air, tiap-tiap benda yang hidup? Maka mengapa mereka tidak mahu beriman? (30)*

## b) Alam Semesta berkembang

Al-Zariyat:47

وَالسَّمَاءَ بَنَيْنَاهَا بِأَيْدٍ وَإِنَّا لَمُوسِعُونَ (٤٧)

*Ertinya Dan langit itu Kami dirikan dengan kekuasaan Kami (dalam bentuk binaan yang kukuh rapi) dan sesungguhnya Kami adalah mempunyai kekuasaan yang luas tidak terhingga. (47)*

## c) Metodologi pemusnahan alam

Al-Anbiya':104 يَوْمَ نَطْوِي السَّمَاءَ كَطَيِّ السِّجِلِّ لِلْكُتُبِ كَمَا بَدَأْنَا أَوَّلَ خَلْقٍ نُعِيدُهُ

وَعَدَّا عَلَيْنَا إِنَّا كُنَّا فَاعِلِينَ (١٠٤)

## d) Bumi dicipta selepas langit

Al-Shams: 5-6 وَالسَّمَاءِ وَمَا بَنَيْنَاهَا (٥) وَالْأَرْضِ وَمَا طَحْنَاهَا (٦)

*Demi langit dan Yang membinanya (dalam bentuk yang kuat kukuh yang melambangkan kekuasaanNya); (5) Serta bumi dan Yang menghamparkannya (untuk kemudahan makhluk-makhlukNya); (6)*

Al-Baqarah: 29 هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَّا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ أَسْتَوَىٰ إِلَى السَّمَاءِ

فَسَوَّاهُنَّ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ (٢٩)

*Dialah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi, kemudian Dia menuju dengan kehendakNya ke arah (bahan-bahan) langit, lalu dijadikannya tujuh langit dengan sempurna dan Dia Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.*

(29)

Al-Anbiya':30 *أَوَلَمْ يَرَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ كَانَتَا رَتْقًا فَفَتَقْنَاهُمَا  
وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ (٣٠)*

*Dan tidakkah orang-orang kafir itu memikirkan dan mempercayai bahawa  
sesungguhnya langit dan bumi itu pada asal mulanya bercantum (sebagai benda  
yang satu), lalu Kami pisahkan antara keduanya? Dan Kami jadikan dari air, tiap-  
tiap benda yang hidup? Maka mengapa mereka tidak mahu beriman? (30)*

Pembentukan bintang baru dari Dukhan (asap)

Fussilat:11 *ثُمَّ اسْتَوَىٰ إِلَى السَّمَاءِ وَهِيَ دُخَانٌ فَقَالَ لَهَا وَلِلْأَرْضِ ائْتِيَا طَوْعًا أَوْ  
كَرْهًا قَالَتَا أَتَيْنَا طَائِعِينَ (١١)*

*Kemudian Dia menunjukkan kehendakNya ke arah (bahan-bahan) langit sedang  
langit itu masih berupa asap; lalu Dia berfirman kepadanya dan kepada bumi:  
Turutlah kamu berdua akan perintahKu, samada dengan sukarela atau dengan  
paksa! Keduanya menjawab: Kami berdua sedia menurut patuh dengan sukarela;  
(11)*

Alam semesta akan berakhir

Al-Takwir: 1-3 *إِذَا الشَّمْسُ كُوِّرَتْ (١) وَإِذَا النُّجُومُ انْكَدَرَتْ (٢) وَإِذَا الْجِبَالُ سُيِّرَتْ  
(٣)*

Apabila matahari dilingkari cahayanya (dan hilang lenyap). (1) Dan apabila bintang-bintang gugur berselerak. (2) Dan apabila gunung-ganang di terbangkan ke angkasa (setelah dihancurkan menjadi debu). (3)

Al-Infitar: 1-4 إِذَا السَّمَاءُ أَنْفَطَرَتْ (١) وَإِذَا الْكَوَاكِبُ انْتَثَرَتْ (٢) وَإِذَا الْبِحَارُ  
فُجِّرَتْ (٣) وَإِذَا الْقُبُورُ بُعْثِرَتْ (٤)

Apabila langit terbelah. (1) Dan apabila bintang-bintang gugur bertaburan. (2) Dan apabila lautan pecah bercampur-baur. (3) Dan apabila kubur-kubur dibongkarkan. (4)

Al-Insyiqaq: 1-4 إِذَا السَّمَاءُ أَنْشَقَّتْ (١) وَأَذِنَتْ لِرَبِّهَا وَحُقَّتْ (٢) وَإِذَا الْأَرْضُ  
مُدَّتْ (٣) وَأَلْقَتْ مَا فِيهَا وَتَخَلَّتْ (٤)

Apabila langit terbelah, (1) Serta mematuhi perintah Tuhannya dan sudah semestinya ia patuh; (2) Dan apabila bumi diratakan, (3) Serta mengeluarkan apa yang di dalamnya dan menjadi kosong,

Al-Qariah: 4-5 يَوْمَ يَكُونُ النَّاسُ كَالْفَرَاشِ الْمَبْثُوثِ (٤) وَتَكُونُ الْجِبَالُ كَالْعِهْنِ  
الْمَنْفُوشِ (٥)

(Hari itu ialah: Hari kiamat), hari manusia menjadi seperti kelkatu yang terbang berkeliaran, (4) Dan gunung-ganang menjadi seperti bulu yang dibusar berterbangan.

Ibrahim: 48 يَوْمَ نُبَدِّلُ الْأَرْضَ غَيْرَ الْأَرْضِ وَالسَّمَوَاتُ وَبَرَزُوا لِلَّهِ الْوَاحِدِ الْقَهَّارِ (٤٨)

(Ingatlah) masa hari bumi ini diganti dengan yang lain, demikian juga langit; dan manusia semuanya keluar berhimpun mengadap Allah, Yang Maha Esa, lagi Maha Kuasa. (48)

## Matahari

- a) Matahari dan bulan beredar atas garis edar atau falaknya

Al-Anbiya': 33 وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ كُلٌّ فِي فَلَكٍ يَسْبَحُونَ  
(۳۳)

*Dan Dialah (Tuhan) yang telah menjadikan malam dan siang, serta matahari dan bulan; tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edaran masing-masing (di angkasa lepas). (33)*

- b) Perubahan garisedar kedudukan matahari.

Al-Kahf: 17 وَتَرَى الشَّمْسَ إِذَا طَلَعَتْ تَزَّوَرُّ عَن كَهْفِهِمْ ذَاتَ الْيَمِينِ وَإِذَا غَرَبَتْ تَقْرِضُهُمْ ذَاتَ الشَّمَالِ

*Dan engkau akan melihat matahari ketika terbit, cenderung ke kanan dari gua mereka dan apabila ia terbenam, meninggalkan mereka ke arah kiri, sedang mereka berada dalam satu lapangan gua itu.*

## Bulan

Yasin: 40 لَا الشَّمْسُ يَنْبَغِي لَهَا أَنْ تُدْرِكَ الْقَمَرَ وَلَا اللَّيْلُ سَابِقُ النَّهَارِ وَكُلٌّ فِي فَلَكٍ يَسْبَحُونَ  
(۴۰)

*(Dengan ketentuan yang demikian), matahari tidak mudah baginya mengejar bulan, dan malam pula tidak dapat mendahului siang; kerana tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edarannya masing-masing. (40)*

## Bintang

Al-Najm: 1

وَالنَّجْمِ إِذَا هَوَىٰ (١)

*Demi bintang semasa ia menjunam, (1)*

Al-Musalat: 8

فَإِذَا النُّجُومُ طُمِسَتْ (٨)

*Oleh itu, apabila bintang-bintang (binasa dan) hilang lenyap; (8)*

Al-Takwir: 2

وَإِذَا النُّجُومُ انْكَدَرَتْ (٢)

*Dan apabila bintang-bintang gugur berselerak. (2)*

Al-Hadid: 25

وَأَنْزَلْنَا الْحَدِيدَ فِيهِ بَأْسٌ شَدِيدٌ وَمَنْفَعٌ لِلنَّاسِ

*dan kami telah menciptakan besi dengan keadaannya mengandungi kekuatan yang handal serta berbagai faedah lagi bagi manusia. (Dijadikan besi dengan keadaan yang demikian, supaya manusia menggunakan faedah-faedah itu dalam kehidupan mereka sehari-hari)*

al-Hijr: 16

وَلَقَدْ جَعَلْنَا فِي السَّمَاءِ بُرُوجًا وَزَيَّنَّاهَا لِلنَّاظِرِينَ (١٦)

*Dan demi sesungguhnya! Kami telah menjadikan di langit: Bintang-bintang (yang berbagai bentuk dan keadaan) serta Kami hiasi langit itu bagi orang-orang yang melihatnya. (16)*

## Bumi

a) Awal kejadian

Al-Ankabut:20

قُلْ سِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ بَدَأَ الْخَلْقَ ثُمَّ اللَّهُ يُنشِئُ النَّشْأَةَ الْآخِرَةَ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ (٢٠)

*Katakanlah: Mengembaralah kamu di muka bumi, serta lihatlah bagaimana Allah telah memulakan ciptaan makhluk-makhluk dari asal jadinya; kemudian Allah akan memulakan ciptaan itu semula (pada hari akhirat) dalam bentuk kejadian yang baru. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu. (20)*

b) Kehidupan di planet bumi

Al-Syura: 29 وَمِنْ آيَاتِهِ خَلْقُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَثَّ فِيهِمَا مِنْ دَابَّةٍ وَهُوَ عَلَىٰ جَمْعِهِمْ إِذَا يَشَاءُ قَدِيرٌ (٢٩)

*Dan di antara tanda-tanda kekuasaanNya ialah kejadian langit dan bumi serta segala yang Dia biakkan pada keduanya dari makhluk-makhluk yang melata dan*

*Dia Maha Kuasa menghimpunkan mereka semuanya apabila Dia kehendaki (melakukannya). (29)*

c) Bumi berputar ligat

Al-A'raf: 54 إِنَّ رَبَّكُمْ اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ اسْتَوَىٰ عَلَىٰ الْعَرْشِ يُغْشَىٰ اللَّيْلَ النَّهَارَ يَطْلُبُهُ حَثِيثًا وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ وَالنُّجُومَ مُسَخَّرَاتٍ بِأَمْرِهِ ۗ أَلَا لَهُ الْخَلْقُ وَالْأَمْرُ تَبَارَكَ اللَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ (٥٤)

*Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah Yang Menciptakan langit dan bumi dalam enam masa lalu Dia bersemayam di atas Arasy; Dia melindungi malam dengan siang yang mengiringinya dengan deras (silih berganti) dan (Dia pula Yang Menciptakan) matahari dan bulan serta bintang-bintang, (semuanya) tunduk kepada perintahNya. Ingatlah, kepada Allah jualah tertentu urusan menciptakan (sekalian makhluk) dan urusan pemerintahan. Maha Suci Allah Yang Mencipta dan Mentadbirkan sekalian alam. (54)*

d) Kewujudan malam dan siang serta putaran bumi terhenti

Al-Qasas: 71-73 قُلْ أَرَأَيْتُمْ إِنْ جَعَلَ اللَّهُ عَلَيْكُمُ اللَّيْلَ سَرْمَدًا إِلَىٰ يَوْمِ الْقِيَامَةِ مَنْ إِلَهُ غَيْرُ اللَّهِ يَأْتِيكُم بِضِيَاءٍ أَفَلَا تَسْمَعُونَ (٧١) قُلْ أَرَأَيْتُمْ إِنْ جَعَلَ اللَّهُ عَلَيْكُمُ النَّهَارَ سَرْمَدًا إِلَىٰ يَوْمِ الْقِيَامَةِ مَنْ إِلَهُ غَيْرُ اللَّهِ يَأْتِيكُم بِاللَّيْلِ تَسْكُنُونَ فِيهِ أَفَلَا تُبْصِرُونَ (٧٢) وَمِنْ رَحْمَتِهِ جَعَلَ لَكُمُ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ لِتَسْكُنُوا فِيهِ وَلِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ وَلِعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ (٧٣)

*Katakanlah: Bagaimana fikiran kamu jika Allah menjadikan malam kepada kamu tetap selama-lamanya hingga ke hari kiamat; tuhan yang manakah yang lain dari Allah, yang dapat membawakan cahaya yang menerangi kepada kamu? Maka mengapa kamu tidak mahu mendengar (secara memahami dan menerima kebenaran)? (71) katakanlah lagi: Bagaimana fikiran kamu jika Allah menjadikan siang kepada kamu tetap selama-lamanya hingga ke hari kiamat; tuhan yang manakah yang lain dari Allah, yang dapat membawakan malam kepada kamu untuk kamu berehat padanya? Maka mengapa kamu tidak mahu melihat (dalil-dalil dan bukti keesaan dan kekuasaan Allah)? (72) Dan di antara rahmat pemberianNya, Dia menjadikan untuk kamu malam dan siang (silih berganti) supaya kamu berehat padanya dan supaya kamu berusaha mencari rezeki dari limpah kurniaNya dan juga supaya kamu bersyukur. (73)*

## Awan

Al-Nur: 43

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ يُرْجِي سَحَابًا ثُمَّ يُؤَلِّفُ بَيْنَهُ ثُمَّ يَجْعَلُهُ رُكَامًا فَتَرَى الْوَدْقَ يَخْرُجُ مِنْ خَلَالِهِ وَيُنَزِّلُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ جِبَالٍ فِيهَا مِنْ بَرَدٍ فَيُصِيبُ بِهِ مَنْ يَشَاءُ وَيَصْرِفُهُ عَنِ مَنْ يَشَاءُ يَكَادُ سَنَا بَرْقَةٍ يَذْهَبُ بِالْأَبْصَارِ

*Tidakkah engkau melihat bahawasanya Allah mengarahkan awan bergerak perlahan-lahan, kemudian Dia mengumpulkan kelompok-kelompoknya, kemudian Dia menjadikannya tebal berlapis-lapis? Selepas itu engkau melihat hujan turun dari celah-celahnya dan Allah pula menurunkan hujan batu dari langit, dari gunung-ganang (awan) yang ada padanya; lalu Dia menimpakan hujan batu itu kepada sesiapa yang dikehendakiNya, dan menjauhkannya dari sesiapa yang*

dikehendakiNya. Sinaran kilat yang terpancar dari awan yang demikian keadaannya, hampir-hampir menyambar dan menghilangkan pandangan. (43)

## Air

Al-Anbiya': 30

وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ (٣٠)

*Kami jadikan dari air, tiap-tiap benda yang hidup? Maka mengapa mereka tidak mahu beriman? (30)*

Al-Kahf: 45

وَأَضْرَبَ لَهُمْ مَثَلًا الْحَيَاةَ الدُّنْيَا كَمَا أَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ فَأَخْتَلَطَ بِهِ نَبَاتُ الْأَرْضِ فَأَصْبَحَ هَشِيمًا تَذْرُوهُ الرِّيْحُ وَكَانَ اللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ مُّقْتَدِرًا (٤٥)

*Dan kemukakanlah kepada mereka misal perbandingan: Kehidupan dunia ini samalah seperti air yang Kami turunkan dari langit, lalu bercampur aduklah tanaman di bumi antara satu sama lain (dan kembang suburlah ia) disebabkan air itu; kemudian menjadilah ia kering hancur ditiup angin dan (ingatlah) adalah Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.*

## Laut

Al-Baqarah

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَالْفُلْكِ الَّتِي

تَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِمَا يَنْفَعُ النَّاسَ وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ مَّاءٍ فَأَحْيَا بِهِ الْأَرْضَ  
 بَعْدَ مَوْتِهَا وَبَثَّ فِيهَا مِنْ كُلِّ دَابَّةٍ وَتَصْرِيفِ الرِّيْحِ وَالسَّحَابِ الْمُسَخَّرِ بَيْنَ السَّمَاءِ  
 وَالْأَرْضِ لآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ (١٦٤)

*Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi dan (pada) pertukaran malam dan siang dan (pada) kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia; demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta Dia biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang; demikian juga (pada) peredaran angin dan awan yang tunduk (kepada kuasa Allah) terapung-apung di antara langit dengan bumi; sesungguhnya (pada semuanya itu) ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah kekuasaannya, kebijaksanaanNya dan keluasan rahmatNya) bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran. (164)*

Surah Ibrahim:32

وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ وَسَخَّرَ لَكُمْ الْفُلُوكَ  
 لَتَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِأَمْرِهِ وَسَخَّرَ لَكُمْ الْأَنْهَارَ (٣٢)

*dan menurunkan hujan dari langit lalu mengeluarkan dengan air hujan itu buah-buahan untuk menjadi makanan bagi kamu dan Dia yang memberi kemudahan kepada kamu menggunakan kapal-kapal untuk belayar di laut dengan perintahNya, juga yang memudahkan sungai-sungai untuk kamu (mengambil manfaat darinya). (32)*

## Angin

Surah al-Mursalat: 1-2

وَأْمُرْ سَلَّتِ عُرْفًا (١) فَأَلْعَصِفَاتٍ عَصْفًا (٢)

*Demi (makhluk-makhluk) yang dihantarkan berturut-turut (menjalankan tugasnya), (1) Juga yang merempuh mara dengan sekencang-kencangnya, (2)*

Al-Hijr:22

وَأَرْسَلْنَا الرِّيحَ لَوَاقِحَ فَأَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَسْقَيْنَاكُمُوهُ وَمَا أَنْتُمْ لَهُ بِخَازِنِينَ  
(٢٢)

*Dan Kami hantarkan angin sebagai pembawa air dan pemindah benih; maka dengan itu Kami menurunkan air (hujan) dari langit, kemudian Kami berikan kamu meminumnya; dan bukanlah kamu yang (berkuasa menurunkannya atau menyimpannya). (22)*

## Bijian

Yasin: 33

وَأَخْرَجْنَا مِنْهَا حَبًّا فَمِنْهُ يَأْكُلُونَ (٣٣)

*serta kami keluarkan daripadanya biji-bijian, maka daripada biji-bijian itu mereka makan. (33)*

## Cahaya dan kegelapan

Yunus: 5

هُوَ الَّذِي جَعَلَ الشَّمْسَ ضِيَاءً وَالْقَمَرَ نُورًا

*Dialah yang menjadikan matahari bersinar-sinar (terang-benderang) dan bulan bercahaya*

## Binatang

Surah al-Syura:29

وَمِنْ آيَاتِهِ خَلْقُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَثَّ فِيهِمَا مِنْ دَابَّةٍ وَهُوَ عَلَى جَمْعِهِمْ إِذَا يَشَاءُ قَدِيرٌ (٢٩)

*Dan di antara tanda-tanda kekuasaannya ialah kejadian langit dan bumi serta segala yang Dia biakkan pada keduanya dari makhluk-makhluk yang melata dan Dia Maha Kuasa menghimpunkan mereka semuanya apabila Dia kehendaki (melakukannya). (29)*

## Komentar tentang pemikiran al-Raniri dalam kitab berkaitan

'Ain al-Alam qabla an Yukhlaq atau Dimana Alam sebelum dicipta adalah sebuah kitab yang amat relevan dalam bicara berkaitan kosmologi. Sebuah lagi kitab yang turut ditulis oleh pengarang yang sama.

## Penjelasan berdasarkan al-Quran

Penulisan al-Raniri dalam kitab ini banyak menggunakan sandaran al-Quran yang diberi pengertian. Namun begitu tiada disertakan surah dan ayatnya.

- a) Dalam tulisan berkaitan kejadian tujuh lapis bumi

al-Talaq:12

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ وَمِنَ الْأَرْضِ مِثْلَهُنَّ يَتَنَزَّلُ الْأَمْرُ بَيْنَهُنَّ لِتَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَأَنَّ اللَّهَ قَدْ أَحَاطَ بِكُلِّ شَيْءٍ عِلْمًا (١٢)

b) Kewujudan tujuh lautan

Surah Luqman:27

وَالْبَحْرُ يَمُدُّهُ مِنْ بَعْدِهِ سَبْعَةُ أَبْحُرٍ مَّا نَفَدَتْ كَلِمَاتُ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ (٢٧)

c) Fenomena sejuk dan Salji

al-Nur:43

وَيُنزِّلُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ جِبَالٍ فِيهَا مِنْ بَرَدٍ

d) Fenomena Tahi bintang

إِلَّا مَنْ خَطِفَ الْخَطْفَةَ فَأَتْبَعَهُ شِهَابٌ ثَاقِبٌ (١٠)

*Kecuali sesiapa di antara Syaitan-syaitan itu yang curi mendengar mana-mana percakapan (malaikat), maka dia diburu dan diikuti (dengan rejaman) api yang menjulang lagi menembusi. (10)*

### Konsep al-Afaq ( الأفاق ) hampir kepada aspek kosmologi

Kitab ini membicarakan semua sekali yang terangkum dalam konsep al-Afaq. Bahkan beliau lebih jauh lagi membincang tentang ahli syurga dan neraka, jin, malaikat, iblis yang dikategorikan sebagai alam ghaib.

Surah Fussilat: 53 سُنُرِيهِمْ ءَايَاتِنَا فِي الْأَفَاقِ وَفِي أَنْفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ الْحَقُّ

أُولَٰئِكَ يَكْفُرُ بِرَبِّكَ أَنَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ (٥٣)

*Kami akan perlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan Kami di merata-rata tempat (dalam alam yang terbentang luas ini) dan pada diri mereka sendiri, sehingga ternyata jelas kepada mereka bahawa Al-Quran adalah benar. Belumkah ternyata kepada mereka kebenaran itu dan belumkah cukup (bagi mereka) bahawa Tuhanmu mengetahui dan menyaksikan tiap-tiap sesuatu? (53)*

Dalam tafsir Syed Qutb, semasa membuat huraian al-Afak dirangkumkan zarah (atom), matahari (solar sistem), bumi yang beredar dan mengelilingi matahari, cahaya, jirim, planet, galaksi sistem, bima sakti. Sebenarnya al-Quran merupakan ayat-ayat Allah yang bersifat maqruah dan alam yang luas dihadapan kita dipanggil ayat-ayat al-maqruah. Bila digabungkan keduanya nampaklah kebenaran al-Quran. Perhatikan pada dua ayat berikut:

a) Yasin: 80 (٨٠) *الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ مِنَ الشَّجَرِ الْأَخْضَرِ نَارًا فَإِذَا أَنْتُمْ مِنْهُ تُوقِدُونَ*

*Tuhan yang telah menjadikan api (boleh didapati) dari pohon-pohon yang hijau basah untuk kegunaan kamu, maka kamu pun selalu menyalakan api dari pohon-pohon itu. (80)*

Sejenis pokok yang hijau di padang pasir dipanggil pokok marak (*Leptadenia pyrotechnica*) boleh menyala semasa hijau dan kering.

b) al-An'am: 125

*وَمَنْ يُرِدْ أَنْ يُضِلَّهُ يَجْعَلْ صَدْرَهُ ضَيِّقًا حَرَجًا كَأَنَّمَا يَصَّعَّدُ فِي السَّمَاءِ*

*dan sesiapa yang Allah kehendaki untuk menyesatkannya, nescaya Dia menjadikan dadanya sesak sempit sesempit-sempitnya, seolah-olah dia sedang mendaki naik ke langit (dengan susah payahnya).*

Menjelaskan kedudukan oksigen semakin berkurang bila berada di tempat yang lebih tinggi.

## Pengaruh India

- a) Ada pengaruh Hindu

Adapun yang menanggung tujuh petala langit dan tujuh petala bumi itu **seekor lembu** yang diturunkan Allah S.W.T. didalam Syurga Jannatu al-Firdaus

## Faktanya ada kaitan dengan kajian saintifik hari

- a) Buruj

“(Pertama) dan Hamal (dan) Nur (dan) Jauza (dan) Sartan (dan) Asad (dan) Sunbulah. Inilah buruj yang enam pada tiap-tiap pihak utara. (dan) Mizan (dan) Aqrab (dan) Qaws (dan) Jadi (dan) Dalw (dan) Hut. Dan inilah buruj yang pada pihak selatan.”

- b) Menggunakan angka 180 darjah dan 360 darjah, Timur dan Barat serta Gerhana

“Dan bagi pedati **360** tali anak dan pada satu tali anak itu me(ng)hela akan dia 360 daripada malaikat dan adalah didalam langit pada pihak Maghrib **180** mataair mendidih seperti mendidih air didalam periuk dan pada pihak Masyrik demikian juganya. (Dan) pada suatu riwayat bahawasanya matahari dan bulan itu adalah keduanya didalam putaran yang tiada berhenti, apabila sangat lekasnya maka karamlah keduanya didalam mata air lumpur itu, maka jadilah gerhana keduanya.”

## Fakta yang bertentangan dengan kajian saintifik dan Kekuasaan Allah.

- a) Beliau senaraikan bulan dalam kumpulan planet Musytari, Marikh, Zuhal dan Utarid dengan panggilan bintang.

- b) Kejadian matahari.

“(kata) Wahab bin Munabbih bahawasanya dijadikan Allah S.W.T. matahari itu daripada cahaya arash.”

- c) Kejadian bumi daripada buih

(Fasal) pada menyatakan peri kejadian tujuh petala langit dan bumi. (Dan) adapun bumi itu dijadikan Allah Subhanahu wa Ta'ala daripada buih.

d) Sebab terjadinya gempa bumi di bawah fasal gempa bumi.

“Ketiga ada kalanya ikan Nun yang menanggung bumi itu ia bergerak, maka jadi gempalah bumi itu dengan gerakannya.”

e) Beliau menjelaskan Surah Fussilat: 9

“bahawasanya kami jadi akan bumi ini di dalam dua hari iaitu pada hari Ahad dan kesudahannya pada hari Isni(n)”

f) Fenomena guruh, kilat dan halilintar

“Kata Saidina Ali Karamahu Allah wajjah bahawasanya kilat itu palu malaikat akan awan dengan beberapa cemeti daripada besi dan guruh itu sora daripada tasbih malaikat al-ra'd tetakala menghalau akan awan itu seperti orang menghalau akan unta serta ia mengucap tasbih ia apabila bersalahan awan itu dengan dia. Maka lalu bertimpalah (bertempiklah) ia dengan sora yang amat keras. Maka apabila sangatlah gusar malaikat itu akan dia, maka lalu dihamburlah daripadanya api, maka jadilah kilat dan halilintar.”

## Sumber rujukan

Beliau sandarkan tulisannya kepada Wahab bin munabbih, Ka'ab al-Akhbar dan Ibn Ishaq

## Penggunaan ejaan dan Bahasa

Petunjuk dieja فتحق (hal.25/24)

Kamu dieja كام (hal.25/24)

Kata dieja كات (hal.27/6)

Sepatah dieja سفته (hal.27/6)

Suhu dieja سهو (hal.27/6)

Siang dieja سيع (hal.27/6)

Menghalau dieja مغللو (hal.27/36)

Unta dieja انت (hal.27/36)

Jua dieja جو (hal.25/28)

Sebuah dieja سيوه (hal.39/3)

Menggunakan perkataan Arab خالى (hal.39/3), مشرق مغرب (hal.35/18)

Selain daripada itu penulis juga tidak menggunakan perenggan, cuma dipisahkan oleh fasal. Tiada tanda titik, koma dan lain-lain tanda bacaan.

## Kesimpulan

Kehebatan dan usaha intelik tidak sepatutnya hanya dilihat pada satu sudut kesilapannya semata bahkan perlu diukur dengan zamannya. Sekiranya secebis tulisan kita tidak mampu melihat dengan kekuatan ilmu yang kerdil, maka tatapi pada kegigihan beliau menghasilkan beberapa lagi kitab dalam pelbagai bidang. Begitu juga dengan alam yang besar begini lagi, apa yang perlu menjadi nadhir kepada segala ciptaan Allah ini dan tutupilah dengan ucapan **سبحان الله** .

Al-Hasyr:1

سَبَّحَ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ (١)

*Segala yang ada di langit dan di bumi tetap mengucap tasbih kepada Allah dan*

*Dialah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. (1)*

## Rujukan

- Hamka, Perkembangan (1966) *Tasauf Dari Abad ke Abad*, Pustaka Islam Jakarta
- , *Tasauf Perkembangan dan Pemurniaannya*, Pustaka Islam Jakarta.
- Ahmad Daudy,(1983), *Allah dan Manusia*,Percetakan Rajawali, Jakarta
- Abu Bakar Aceh, (1993), *Pengantar Ilmu Hakikat dan Makrifat*, Ramadhani, Solo
- ,(1994) *Pengantar Sejarah Sufi dan Tasauf*, Ramadhani, Solo
- Osman Bakar, (2016) *Quranic Pictures of the Universe*,
- ,(1993), *Tawhid and Sciences: Islamic Perspectives on Religion and Sciences*, pulau Pinang, Secretariat for Islamic Philisophy and Science.
- Mat Rofa Ismail,2016, *Bicarawara Sains Islam*, , Shah Alam, Karang kraf
- Hj. W. Mohd. Shaghir Abdullah, *Khazanah Karya Pusaka Asia Tenggara*,K.Lumpur, Khazanah Fataniyah
- Mohd. Yusof Hj Othman, (2009), *Sains Masyarakat dan agama*, Selangor, Utusan Publication
- Hairudin Harun, (2007), *Daripada Sains Yunani kepada Sains Islam*, K.Lumpur, Penerbit Universiti Malaya.
- Mohamad Nasrin Nasir, Maliki Ahmad Nasir (2016), *Sains Islam- Suatu Konsepsi Baharu Terhadap Hubungan Sains dan Agama*, Negeri Sembilan, Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Azrina Sobian, (Peny.),(2012), *Membina Kekuatan Sains Islam*, K.Lumpur, IKIM
- Abdul Rahman Abdullah, *Sejarah dan Tamadun, Asia Tenggara*, K.Lumpur, Utusan publication.
- Jelani Harun, “Bustan al-Salatin Mutiara Kesufian Untuk Raja-Raja” dalam *Journal Filologi Melayu*, Jilid 13, 2005

Abdul Majid Aziz al-Zandani, *Tauhid Pendekatan Sainifik*, (Terjemahan Md. Akhir Yaakob dan Osman Hj. Khalid, Petaling Jaya, al-Rahmaniah.

Abdul Rahim Badr, 1985, *Dalil al-Sama' wa al-Nujum*, Lubnan, Mu'assasah Masri

Abdul Alim Abdul Rahman Khudhar, (1987), *al-Manhaj al-Imani Li al-Dirasah*, Cet. 3

al-Dar al-Sa'udiyah

-----,(1995), *Handasah al-Nizami, al-Bii fi al-Quran al-Karim*, Cet. 1, Bahrain, Dar al-Hikmah

Qutb, Syed, (1982), *Fi Zilal al-Quran*, Jilid 5, Qaherah, Dar al-Syuruq.

Mohd. Arif Kasmu, Mohd Noor Mahat dan Abd. Latif Mohmod, *Ekosistem Hutan dan al-Quran*,  
Kepong, Institut Penyelidikan Hutan Malaysia.

*Katalog Manuskrip Melayu*, Koleksi Perpustakaan Negaran Malaysia, Tambahan Ketiga, Kuala Lumpur, PNM, 2003

Syeikh Nuruddin bin Ali al-Raniri, *Kitab Badu al-Samawat wa al-Ard, Kejadian Tujuh Petala Langit dan Bumi*, Kuala Lumpur, Khazanah Fataniyah.